



**PERATURAN PERTANDINGAN ACARA SUKAN HOKI
KARNIVAL SUKAN TM 2014
25 HINGGA 28 SEPTEMBER 2014**

1. PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung pada Peraturan Am Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang Konfederasi Hoki Malaysia atau Malaysian Hockey Confederation (MHC) dan Persatuan Hoki Antarabangsa (FIH).
- 1.2 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada PERATURAN AM Karnival Sukan TM 2014 dan dibaca bersama dengan Undang-Undang Konfederasi Hoki Malaysia atau Malaysian Hockey Confederation (MHC) dan Persatuan Hoki Antarabangsa (FIH).
- 1.3 Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis akan melantik Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah untuk mengendalikan pertandingan bagi acara hoki dengan menggunakan peraturan-peraturan yang dipersetujui bersama kedua-dua pihak dengan dibaca bersama tatacara, peraturan dan pengurusan pertandingan Undang-Undang Konfederasi Hoki Malaysia atau Malaysian Hockey Confederation (MHC) dan Persatuan Hoki Antarabangsa (FIH).
- 1.4 Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah akan melantik seorang Ketua Penyelaras Sukan Hoki Pengadil Bertauliah, Penjaga Garisan Bertauliah, atau dan pegawai yang perlu untuk menguruskan pertandingan.

2. TARIKH PERLAWANAN

- 2.1 Tarikh perlawanan akan dilangsungkan pada 25 hingga 28 September 2014.

3. TEMPAT PERLAWANAN

- 3.1 Lokasi perlawanan Hoki akan diadakan di Stadium Hoki Hijau Kuning, Alor Setar, Kedah.



4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar 8 orang pemain dan seorang pegawai. 1 orang pemain veteran (umur 45 ke atas) dan 1 eksekutif wajib bermain dalam setiap perlawanan.
- 4.2 Jawatan seorang pegawai hendaklah disebut di dalam borang.
- 4.3 Senarai pendaftaran ini hendaklah disertakan dengan butiran dan maklumat seperti berikut:-
 - 4.3.1 Nama penuh pemain, posisi dan seorang pegawai serta jawatan.
 - 4.3.2 Nombor jersi, 1 hingga 25 (tidak boleh ditukar sehingga pertandingan selesai)
 - 4.3.3 Setiap pasukan haruslah mempunyai 2 set jersey yang berlainan warna.
 - 4.3.4 Salinan Kad Pengenalan atau dokumen yang berkaitan.
 - 4.3.5 Salinan passcard pekerja.
- 4.4 Borang ini hendaklah disahkan oleh Pengurus Besar Negeri/Presiden Kelab TM Negeri atau Naib Presiden Kelab TM Negeri masing-masing.
- 4.5 Setelah senarai 9 orang disahkan pendaftarannya semasa tarikh akhir tutup pendaftaran baru hanya dibenarkan kepada penjaga gol sahaja di atas sebab-sebab kecederaan. Pendaftaran hanya boleh dibuat setelah mendapat pengesahan dari doktor.
- 4.6 Semua pasukan diminta mengisytiharkan warna jersi, seluar, stokin dan warna jersi penjaga gol yang dipakai semasa menjadi tuan rumah (di dalam pertandingan ini nama pasukan yang disebut dahulu adalah tuan rumah dan yang kedua adalah pasukan pelawat). Jika terdapat persamaan warna jersi setelah disahkan oleh Pengadil perlawanan, pasukan pelawat hendaklah menukar jersi. Walaubagaimanapun pasukan diminta membawa dua set jersi yang berlainan warna semasa perlawanan.
- 4.7 Saiz nombor jersi yang dibenarkan adalah 10 inci tinggi di bahagian belakang dan 10 sentimeter tinggi di bahagian hadapan jersi dan sebelah kanan hadapan seluar.



5. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 5.1 Undang-undang permainan hendaklah mengikut undang-undang terkini yang berkuatkuasa sebagaimana yang telah diputuskan oleh Lembaga Persatuan Konfederasi Hoki Malaysia atau Malaysian Hockey Confederation (MHC) dan Persatuan Hoki Antarabangsa (FIH).
- 5.2 Sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum bermulanya perlawanan, tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan nama sembilan (9) pemain dan tiga (3) pemain simpanan 'start list' yang disediakan oleh urusetia.
- 5.3 Bilangan pemain adalah 6 bermain dan 3 simpanan. Pertukaran pemain adalah secara 'rotation'.
- 5.4 Ketua pasukan hendaklah memakai lilitan lengan yang nyata di lengan kiri jersi. Sekiranya ketua pasukan diganti, maka lilitan lengan tersebut hendaklah diberi kepada ketua pasukan yang dilantik.

6. PENGADIL

- 6.1 Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis dipandu nasihat oleh Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertaualiah yang mengendalikan pertandingan bagi acara hoki akan menyediakan pengadil bertaualiah dan penjaga garisan bertaualiah bagi menjalankan pertandingan ini
- 6.2 Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis dipandu nasihat oleh Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertaualiah yang mengendalikan pertandingan bagi acara hoki untuk menamakan Teknikal Deligate bagi pertandingan ini.
- 6.3 Semua keputusan yang dibuat oleh pengadil & pegawai pertandingan adalah muktamad mengikut Peraturan Am Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 dengan dibaca bersama-sama sekali Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Konfederasi Hoki Malaysia atau Malaysian Hockey Confederation (MHC) dan Persatuan Hoki Antarabangsa (FIH).



7. SISTEM PERTANDINGAN

7.1 Di mana penyertaan terdiri daripada tiga belas (13) atau lebih, maka pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara Liga satu pusingan dalam 4 kumpulan iaitu Kumpulan A, Kumpulan B, Kumpulan C dan Kumpulan D. Dalam pusingan liga, tempat pertama dan kedua kumpulan akan ditentukan secara berikut:-

- 7.1.1. Jumlah mata (menang (3) tiga mata, seri (1) satu mata), kalah (0 mata)
- 7.1.2. Perbezaan jaringan gol.
- 7.1.3. Jumlah jaringan gol tertinggi.
- 7.1.4. Keputusan perlawanan liga (pasukan yang memenangi banyak perlawanan akan diambil kira).
- 7.1.5. Jika dua (2) pasukan yang terlibat mempunyai mata yang sama, pasukan yang telah mengalahkan lawannya di peringkat kumpulan akan dikira menang.

7.2 Didalam pusingan liga (2) dua pasukan teratas setiap kumpulan akan layak ke perlawanan suku akhir secara kalah mati seperti berikut:-

A1	mln	B2
B1	mln	A2
C1	mln	D2
D1	mln	C2

7.3 Pemenang dalam perlawanan suku akhir akan bermain dalam peringkat separuh akhir secara kalah mati seperti berikut:

A1/B2 mln	C1/D2
D1/C2 mln	B1/A2

7.4 Pemenang akhir secara kalah mati akan diadakan seperti berikut:

W	mln	X
---	-----	---



8. MASA PERLAWANAN

- 8.1 Masa permainan ialah 15 minit bagi keseluruhan perlawanan. Pengundian akan dijalankan oleh pengadil perlawanan untuk menetapkan sebelah mana padang yang akan digunakan oleh sesebuah pasukan.
- 8.2 Untuk peringkat kalah mati, masa tambahan ditetapkan, maka masa tambahan itu mestilah mengandungi dua bahagian selama 3 minit setiap bahagian. Pemain tidak boleh meninggalkan padang waktu rehat antara cukup masa dengan masa tambahan kecuali dengan kebenaran pengadil.
- 8.3 Untuk perlawanan akhir, masa permainan ialah 10 minit bagi separuh masa pertama dan 10 minit bagi separuh masa kedua. Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi 1 minit kecuali dengan izin pengadil.
- 8.4 Tambahan masa untuk perlawanan akhir mestilah mengandungi dua bahagian selama 3 minit setiap bahagian. Pemain tidak boleh meninggalkan padang waktu rehat antara cukup masa dengan masa tambahan kecuali dengan kebenaran pengadil.
- 8.5 Jika tambahan masa masih berkeputusan seri, pukulan penalti akan menentukan pemenang. Untuk penentuan pertama, 3 pukulan penalti daripada pemain berbeza daripada setiap pasukan. Jika masih seri tambahan setiap 1 pemain bagi setiap pasukan hingga lah kepada pemain yang ke enam. Jika masih seri 'touch coin' akan menentukan pasukan mana yang menang.

9. KAD HIJAU / KUNING / KAD MERAH

- 9.1 Pemain yang mendapat kad hijau akan direhatkan selama 2 minit masa permainan.
- 9.2 Pemain yang mendapat kad kuning akan direhatkan selama 5 minit masa permainan.
- 9.3 Pemain yang mendapat kad merah akan dikeluarkan serta merta dan digantung satu perlawanan.



10. MENARIK DIRI

- 10.1 Pasukan atau pemain yang terlewat 15 minit dari masa yang telah dijadualkan bermain akan dianggap sebagai menarik diri serta kemenangan akan diberikan kepada pihak lawan.
- 10.2 Menarik diri (walk over) adalah tidak dibenarkan sama sekali. Jika ianya berlaku maka pasukan atau pemain akan dianggap menarik diri dari keseluruhan pertandingan.
- 10.3 Keputusan-keputusan yang terdahulunya bagi pasukan atau peserta yang berkenaan tidak akan diambil kira.

11. BANTAHAN

- 11.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis SEBELUM PERMAINAN ATAU TIDAK LEWAT DARI 30 MINIT SELEPAS PENGADIL MENGUMUMKAN KEPUTUSAN. Bantahan ini hendaklah dikemukakan dengan menggunakan Borang Bantahan yang disediakan dan diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 berserta sekali wang tunai sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu sahaja). Wang ini cuma akan dikembalikan jika bantahan tersebut berjaya setelah ditolak 50% bayaran pengurusan.

12. JAWATANKUASA BANTAHAN DAN RAYUAN

- 12.1 Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 perlu menyerahkan borang dan wang tunai berkenaan untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan yang dilantik oleh Pihak Pengelola Kejohanan ini. Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan sebagaimana berikut:
 - 12.1.1 Timbalan Presiden Kelab Malaysia Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan
 - 12.1.2 Naib Presiden Biro Sukan Kelab TM Malaysia
 - 12.1.3 Pengerusi Bersama KARNIVAL SUKAN TM
 - 12.1.4 Ketua Pengadil Pertandingan yang dilantik
 - 12.1.5 Ketua Sekretariat Penganjur
 - 12.1.6 Seorang AJK Pertandingan dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan.



- 12.2. Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan memulakan persidangan pada waktu yang sama sebaik sahaja Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 menyerahkan borang bantahan dan wang tunai.
- 12.3. Keputusan Rayuan akan dibuat atau dimaklumkan dalam masa dua puluh empat jam (24 jam) selepas Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan bersidang.
- 12.4. Keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengadil atau dan Jawatankuasa Pertandingan atau dan Bersama-sama Pengelola Kejohanan adalah mutamad.

13. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN

- 13.1. Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan ini atau soal perbezaan tafsiran akan diputuskan oleh Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis dipandu nasihat oleh Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah yang mengendalikan pertandingan bagi acara Hoki dengan dibaca bersama-sama sekali Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Konfederasi Hoki Malaysia atau Malaysian Hockey Confederation (MHC) dan Persatuan Hoki Antarabangsa (FIH).

14. HADIAH

- 14.1. Hadiah yang disediakan adalah seperti berikut:

EMAS	PERAK	GANGSA
1	1	1

- 14.2. Hadiah kemenangan yang diiktiraf bagi acara sukan ini akan disediakan oleh pengelola untuk 9 orang termasuk pengurus pasukan.



BORANG BANTAHAN
ACARA SUKAN HOKI
KARNIVAL SUKAN TM 2014
25 HINGGA 28 SEPTEMBER 2014

NEGERI :

Nama Pengurus :

Tandatangan :

Tarikh :

Bantahan Yang Dibuat Dengan Menyertakan Wang Bantahan Sebanyak RM1,000.00 Di atas Perkara / Isu :-

.....

.....

.....

.....

Tandatangan :

Nama :

Untuk kegunaan pihak sekretariat

Dengan ini pihak sekretariat mengesahkan menerima bantahan dari pasukan seperti nama yang tertera di atas.

Diterima oleh: _____ No Kd Pengenalan _____

Tarikh Penerimaan: _____ tandatangan penerima : _____